

**Tajuk** : **Kit SAKAMB Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Majmuk Berdasarkan Gambar Dalam Kalangan Murid Pemulihan Khas Tahun 3.**

**Sinopsis** :Saya telah diamanahkan berdampingan dengan guru mata pelajaran Bahasa Melayu untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Arus Perdana disebabkan saya tiada murid Pemulihan Khas yang sebenarnya mengikut data BIP01.Sepanjang pengajaran dan pembelajaran yang saya jalankan saya sering kali meletakkan kelemahan murid sebagai punca utama atau dominan yang menyebabkan mereka tidak menguasai sesuatu kemahiran yang saya ajarkan.Begitu juga dalam pengajaran membina ayat berdasarkan gambar. Saya mendapati 5 orang bekas murid saya tidak dapat markah yang baik seperti rakan-rakan lain. Hasil dapatan latihan yang dijalankan murid-murid ini didapati menulis ayat yang kurang lengkap .Setelah refleksi sendiri dilakukan ,saya dapati terdapat satu jurang antara nilai dan kepercayaan yang saya pegang dengan amalan PdP yang telah saya jalankan selama ini. Oleh disebabkan itu, saya telah terdetik untuk membantu bekas murid-murid pemulihan khas untuk setara dengan murid-murid yang lain. Apa yang dapat disimpulkan di sini ialah, murid-murid ini memang tidak mampu membina ayat yang lengkap kerana mereka tidak mempunyai idea untuk menulisnya. Bagi mengatasi masalah ini, saya telah memperkenalkan Kit SAKAMB bagi memudahkan pemahaman murid terhadap teknik membina ayat majmuk dengan betul berdasarkan gambar.

## **Kumpulan**

**Sasaran** : 5 Orang Bekas Murid Pemulihan Khas Tahun 3 Cerdik.

**Latar Belakang** : Kemahiran menulis merupakan satu komponen di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu seperti di dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Standart Sekolah Rendah (KSSR).Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid-murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi melalui pelbagai jenis penulisan kreatif dan bukan kreatif. Menurut Zam dan Mohamed Amin (2003), kemahiran menulis pelajar ditingkatkan melalui kepelbagaian strategi kemahiran menulis. Strategi menulis yang pelbagai ini dapat membantu para pelajar dalam aktiviti penulisan, terutamanya ketika peperiksaan. Penguasaan kemahiran menulis bukan sahaja bergantung pada bakat malahan dipengaruhi juga cara pengajaran menulis bersistem dan berkesan (Yahya Othman ,2005). Kemahiran menulis atau penulisan merupakan kemahiran terakhir yang perlu dikuasai seseorang pelajar Bahasa. Namun demikian apa yang ditutur dan ditulis tidak akan berkesan jika tidak disampaikan dalam bentuk penulisan. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh KPM bersama Jabatan Pendidikan Negeri dengan Pejabat Pendidikan Daerah bagi merangka program kecemerlangan murid contohnya Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis (KIA2M),Program Literasi dan Numerasi (LINUS), dan

Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROTIM). Menurut Noorazam Mahat (2009), murid perlu mahir menulis kerana hampir semua kertas peperiksaan di negara ini memerlukan murid menjawab soalan secara bertulis dan terdapat juga yang memerlukan jawapan yang panjang lebar dalam bentuk ayat. Murid yang tidak menguasai kemahiran menulis dengan baik akan menghadapi masalah untuk menjawab soalan dikemukakan. Oleh itu, murid perlulah menguasai kemahiran menulis untuk menghuraikan fakta-fakta dengan tepat, berupaya menyusun jawapan dengan bentuk mudah dan teratur serta menyakinkan pembaca. Teknik SALAK telah diperkenalkan sebelum ini oleh Cikgu A.Rahman Bin Haron (SK Semenyih). Beliau dianugerahkan Guru Inovatif oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor pada tahun 2010 kerana memenangi inovasi "Membina Ayat Berdasarkan Gambardengan Teknik SALAK". SALAK diperkenalkan untuk membimbing murid membina ayat berdasarkan grafik dengan pendekatan didik hibur serta merangsang minat murid membina ayat dengan cepat dan efektif. Berpandu teknik SALAK ini saya telah mendapat idea untuk membantu murid-murid saya untuk meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk berdasarkan gambar dengan memperkenalkan Kit SAKAMB. Kit SAKAMB ini berbeza dengan Teknik SALAK dan teknik-teknik yang lain kerana saya menggunakan bahan Kit SAKAMB sebagai bahan bantu mengajar. Kemahiran menulis dilihat begitu penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kerana perlu dikuasai oleh murid untuk mencapai kecemerlangan. Kemahiran menulis yang efektif amatlah

penting untuk kejayaan akademik dalam sistem persekolahan di seluruh dunia.

**Rasional Pemilihan Amalan Terbaik :**

Rasional berkaitan dengan objektif kajian :

- 1) Meningkatkan penguasaan murid untuk menulis ayat majmuk berdasarkan gambar melalui Kit SAKAMB.
- 2) Membantu murid menguasai kemahiran menulis ayat majmuk berdasarkan gambar melalui Kit SAKAMB.

**Kaedah/ Teknik Yang Digunakan :**

Teknik SAKAMB:

Langkah-langkah:

- 1) Guru mengedarkan lembaran kerja dan memberikan penerangan tentang penggunaan Kit SAKAMB
- 2) Resonden menyisipkan lembaran kerja tersebut ke dalam Kit SAKAMB.
- 3) Murid menulis ayat dengan menggunakan satu keterangan , iaitu memilih keterangan menggunakan kata tanya apa, mana, mengapa atau bila.
- 4) Setelah siap membina , murid diminta menyemak ejaan, tanda bacadan sebagainya.

SAKAMB merupakan satu jadual yang terdapat tiga bahagian atau lajur yang sebaris seperti gambar rajah berikut:

<b>S</b>	<b>A</b>	<b>K(AMB)</b> <i>Apa Mana Mengapa Bila</i>

Dalam melaksanakan Kit SAKAMB, beberapa langkah telah difikirkan agar murid-murid yang terlibat benar-benar faham serta mencapai objektif yang dikehendaki . Terdapat tiga proses dalam pelaksanaan teknik ini dengan menggunakan tiga warna yang berbeza bagi menunjukkan perbezaan peringkat penggunaan . Pemingkatan ini menjurus ke arah pendekatan ansur maju.

Peringkat 1 : Menulis ayat menggunakan satu keterangan sahaja.

Murid akan memilih satu keterangan sahaja daripada bahagian K (keterangan) sama ada menggunakan keterangan A (apa-guna apa), M ( di mana atau mengapa), B (bila).

**Contoh:**

<b>S</b>	<b>A</b>	<b>K (AMB) Apa-mana/mengapa-bila</b>
1) Alif	mengutip sampah	di halaman rumah.  M ( mana)

Rajah: Penggunaan satu keterangan

Peringkat 2 : Menulis ayat menggunakan dua keterangan.

Peringkat ini murid akan menggunakan dua keterangan seperti A (apa-guna apa)+ M (mana) + B (bila) , A+B (bila).

<b>S</b>	<b>A</b>	<b>K( AMB) Apa-Mana/Mengapa-Bila</b>
1) Anis	Menyiram pokok bunga	Menggunakan paip getah supaya pokok bunga hidup subur .  A(apa) + M( Mengapa)

Rajah : Penggunaan dua keterangan.

Peringkat 3 : Menulis ayat menggunakan tiga keterangan.

Tiga K(keterangan )yang boleh digunakan adalah A=M (mana) + M (mengapa), A + M (di mana) , A (apa) + B (bila)

<b>S</b>	<b>A</b>	<b>K( AMB) Apa-Mana/Mengapa- Bila</b>
1) Encik Aziz	Membersihkan longkang	Di sekeliling rumah menggunakan berus supaya air tidak bertakung.  M (mana) + A (apa)+ M (mengapa)

Rajah : Penggunaan tiga keterangan.

Peringkat 4 : Menulis ayat sendiri tanpa bantuan Kit SAKAMB .

Pada peringkat ini, murid-murid dikehendaki membina ayat majmuk berpandukan gambar yang diberi berdasarkan pemahaman mereka sendiri tanpa berpandukan Kit SAKAMB. Dalam menjalankan kajian ini saya telah memilih Model Stephen Kemmis. Model kajian ini merupakan model popular dalam kalangan pengamal pendidikan dan guru-gurudi Malaysia hingga sekarang kerana mudah difahami dan dikendalikan.

**Merancang -----Mengambil tindakan-----Membuat pemerhatian-----Membuat refleksi**

**Perincian Aktiviti :**

Bagi meningkatkan kemahiran murid berdasarkan kelemahan yang telah saya kenal pasti, saya telah memperkenalkan Kit SAKAMB dalam satu bentuk yang mudah untuk membantu murid menguasai kemahiran membina ayat majmuk. SAKAMB adalah singkatan untuk S (siapa yang melakukan), A(aktiviti yang

dilakukan) , K (keterangan yang menggunakan A ( menggunakan apa)/ M (mengapa dan mana) dan B (bila berlaku). Bahan bantu mengajar inilah yang telah saya gunakan untuk menarik minat murid dalam meningkatkan kemahiran menulis ayat majmuk berdasarkan gambar dan memberi peluang kepada murid mendapat markah yang baik.Persediaan bahan bantu mengajar adalah satu aspek bantuan yang boleh menolong melahirkan aktiviti-aktiviti yang menarik dan berkesan ( Nik Ahmad Nik Yaacob, 1984)

### **Kaedah Pentaksiran Semasa PdP :**

Semua hasil pengumpulan data dianalisis selepas beberapa aktiviti dalam intervensi dilaksanakan . Semua data yang diperoleh telah dianalisis dengan teliti untuk memberikan keputusan yang tepat . Dua instrument yang telah saya gunakan untuk mengumpul data dan maklumat adalah melalui pemerhatian dan analisis dokumen.

Dalam perkara ini saya telah menggunakan pemerhatian berstruktur. Analisis telah dilakukan dengan menggunakan borang senarai semak yang dibina berdasarkan soalan kajian. Melalui penggunaan senarai semak , guru ( penyelidik ) akan membuat tandaan pada senarai semak dan catatan berdasarkan perkara diperhati. Dapatan yang diperoleh juga dianalisis berdasarkan perkara yang telah ditetapkan sebelum, semasa dan selepas penggunaan sesuatu teknik itu sewaktu pengajaran dan pembelajaran dijalankan . Justeru itu, saya telah menyediakan senarai semak ketika pemerhatian dijalankan.

Berdasarkan pemerhatian dan analisis yang telah dijalankan dapat saya ketegorkan responden ini dari segi tingkah laku iaitu minat, penggunaan teknik ( Kit SAKAMB ), kefahaman dan sikap . Berlakunya perubahan yang positif dari



segi minat dan daya usaha. Perubahan ini penting untuk menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran saya tercapai.

Selepas responden diperkenalkan penggunaan Kit SAKAMB didapati mereka lebih berminat untuk menjana idea dan menulis ayat majmuk berdasarkan gambar kerana mereka telah mendapat panduan dan teknik yang betul dalam membina ayat majmuk. Penggunaan teknik yang sesuai dan menarik bagi murid yang memiliki kelemahan membina ayat sangat penting dalam membantu murid membina ayat yang baik dan lengkap bagi menjawab soalan dalam peperiksaan.

Dapatan daripada pemerhatian juga menunjukkan perubahan tingkah laku responden sebelum dan selepas intervensi dijalankan . Mereka telah berjaya menyiapkan latihan yang diberi semasa pengajaran dan pembelajaran serta rajin membuat latihan yang diberikan. Disamping itu mereka juga memberikan tumpuan dan perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

#### **Nilai Murni Yang Diterapkan :**

Terdapat beberapa nilai murni yang diterapkan kepada murid semasa dan selepas menggunakan Kit SAKAMB. Murid-murid ini lebih berkeyakinan dan bersemangat untuk membina ayat majmuk dengan baik. Selain itu juga, murid-murid dapat memberikan kerjasama diantara satu sama lain ketika sesi dua hala bersama guru dijalankan. Murid-murid lebih menunjukkan minat dengan menggunakan Kit SAKAMB ini. Sikap rendah diri dan kurang yakin terhadap kemampuan diri dapat dikurangkan melalui kaedah ini. Mereka juga dapat melakukan sesuatu aktiviti pembinaan ayat dengan kadar yang lebih cepat berbanding dahulu. Murid-murid juga lebih fokus terhadap proses PdP.

### **Kekuatan Kaedah/Teknik Yang Dipilih :**

Secara keseluruhan kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Pencapaian responden semakin baik walaupun bukan 100%. Kajian yang saya jalankan ini telah banyak membantu responden terlibat menguasai kemahiran membina ayat majmuk.

Namaun begitu usaha haruslah saya teruskan agar responden terus menggunakan teknik yang diperkenalkan bagi memantapkan kemahiran yang dikuasai. Saya juga akan menggunakan Kit SAKAMB ini dalam penulisan bagi persediaan menghadapi UPSR nanti. Kajian ini juga akan saya libatkan bilangan murid yang lain dan lebih besar untuk membolehkan teknik ini diaplikasikan oleh murid-murid lain. Penggunaan Kit SAKAMB ini akan saya kongsi bersama rakan rakan-rakan guru yang lain agar dapat dimanfaatkan.

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan ini terdapat perubahan yang positif dari segi amalan pengajaran guru dan pembelajaran murid. Semoga kajian ini akan dimanfaatkan dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang saya jalankan akan lebih menarik dan berkesan. Saya juga berharaphasil kajian saya ini dapat dikongsi bersama dengan rakan-rakan sayayang lain untuk membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membina ayat majmuk berdasarkan gambar. Kejayaan dalam kajian ini akan membuka ruang kepada saya untuk meneruskan usaha dalam membuat kajian yang seterusnya untuk membantu murid mencapai kemahiran yang sepatutnya.

**Impak :**




Melalui penggunaan Kit SAKAMB ini murid-murid dapat meningkatkan kefahaman yang baik dari segi pembinaan ayat majmuk. Murid-murid juga dapat meningkatkan markah dalam peperiksaan mereka dalam aktiviti membina ayat. Selain itu, murid-murid ini juga dapat memberikan focus yang baik ketika proses PdP sedang berlangsung. Murid-murid dapat menyiapkan tugas membina ayat dengan lebih pantas. Guru lebih bersemangat untuk mengajar murid-murid ini menggunakan kaedah SAKAMB. Selain itu juga, penggunaan Kit SAKAMB ini menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dengan menggunakan pelbagai teknik dan pendekatan agar dapat mengatasi permasalahan dan kelemahan murid membina ayat majmuk berdasarkan gambar.

1. NAMA GURU : MAIZATUL AKMAL BINTI KOSHIM
2. NAMA SEKOLAH : SEKOLAH KEBANGSAAN LAHAR BUDI
3. ISU/CABARAN : BEKAS MURID PEMULIHAN KHAS TAHUN 3 CERDIK TIDAK PANDAI  
MEMBINA AYAT MAJMUK.

**4 .ASPEK PELAKSANAAN**

- 4.1 AKADEMIK 
- 4.2 KEMAHIRAN 
- 4.3 KOAKADEMIK 

**5. KATEGORI**

- 5.1 PEMBELAJARAN AKSES KENDIRI (INTERAKTIF) 
- 5.2 PEMBELAJARAN MELALUI BBM 
- 5.3 PEMBELAJARAN MASTERI 
- 5.4 MODEL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARA 